Kepada :			
TP BM	☐	☐	Tindakan Segera
KPPK (BM)	☐	☐	Sila Bincang
KPP (BM) HP	☐	☐	Sila Hadir
KPP (BM) HI	☐	☐	Sila Ulas
KPP (BM) HK	☑	☐	Tindakan Lanjut
PP (BM)	☐	☐	Makluman/Rekod
PT (BM)	☐	☐	Saya Hadir
		Catatan :	
		TP BM (SH) Tarikh : 6/12/2025	

Kepada :

TP BM (SD)	☑
TP BM (SH)	☑
TP BM (SA)	☑
TP BM (SP)	☑
TP BM (SKP)	☑
PA	☐

☐	Tindakan Segera
☐	Sila Bincang
☐	Sila Hadir
☐	Sila Ulas
☑	Tindakan Lanjut
☐	Makluman/Rekod

Catatan :

① TP SD : Edaran kpd P KM

② TP SH : Rekemen kandidat KJPP & PP HEP.

AZMAN BIN ABD KARIM
Pengarah
Bhg Matrikulasi
Tarikh : 3/12/25

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
DITERIMA
03 DEC 2025
PEJABAT PENGARAH
BAHAGIAN MATRIKULASI

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia

NOTA ARAHAN

BANTERAS GANGGUAN SEKSUAL, HUBUNGAN HARAM DAN HUBUNGAN SEJENIS

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) telah mengeluarkan arahan untuk tindakan segera melalui aplikasi WhatsApp pada 2 September 2025 berkaitan **Banteras Gangguan Seksual, Hubungan Haram dan Hubungan Sejenis** kepada semua Ketua Jabatan Bahagian dan Pengarah Pendidikan Negeri bawah institusi pendidikan Kementerian Pendidikan. Arahan tersebut adalah seperti di Lampiran.

Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan dimohon untuk memastikan bahawa arahan ini dilaksana dan diuruskan dengan baik di setiap peringkat berdasarkan pekeliling, surat siaran serta surat makluman yang sedang berkuat kuasa.

Tindakan tegas akan diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan atau arahan yang boleh menjejas dan mencalarkan imej Kementerian Pendidikan.

Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

DR. MOHD AZAM BIN AHMAD
10 NOVEMBER 2025

Lampiran

Nota: Lampiran ini adalah petikan dan kandungan asal arahan daripada KPPM melalui aplikasi WhatsApp.

As salam
Salam.Malaysia MADANI

Per: Banteras Gangguan Seksual, Hubungan Haram dan Hubungan Sejenis

Status: Penting dan Makluman Dalaman.

Tindakan:
Pengarah BPSBP, Rektor IPGM, Pengarah BPLTV, Pengarah BPI, Pengarah Bahagian Matrikulas, Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar.

Muktahir ini banyak laporan dan aduan berhubung kes gangguan seksual, hubungan sejenis dan hubungan haram telah berlaku dalam institusi pendidikan di bawah KPM.

Laporan dan aduan terhadap kes atau gejala negatif ini melibatkan guru/ pensyarah dengan murid / pelajar , guru / pensyarah dengan guru / pensyarah dan pentadbir dengan guru / pensyarah.

Gejala ini amat memalukan dan menjatuhkan imej profesion keguruaan, khususnya apabila melibatkan guru / pensyarah dengan murid / pelajar.

Saya dan seluruh pengurusan tinggi KPM memandang serius terhadap isu ini dan tidak akan berkompromi.

Sehubungan dengan ini, diminta semua Ketua Jabatan mengambil tindakan SEGERA dan KONKRIT bagi membanteras gejala negatif ini.

Laporan polis hendaklah dibuat tanpa bertangguh-tangguh dan tiada permuafakatan di pihak KPM apabila melibatkan murid/ pelajar, khususnya murid/ pelajar bawah umur.

Ketua Jabatan mesti mematuhi SOP dan prosedur seperti dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh KPM berhubung isu ini.

Tegasnya, hentikan gejala negatif ini SEGERA.

Sekian. Terima kasih.

Dr. Azam Ahmad
KPPM
02 SEPTEMBER 2025